

Negara Ambil Masa Panjang Untuk Maju Jika Rakyat Tiada Nilai-nilai Murni - Dr M Bernama
29 Mac, 2012

BANGI, 29 Mac (Bernama) -- Negara akan mengambil masa yang panjang untuk mencapai status negara maju jika rakyat tidak berpegang kepada nilai-nilai murni, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Katanya beliau yakin negara akan dapat mencapai matlamat yang diinginkan termasuk Wawasan 2020 jika rakyat mempunyai sikap amanah, bekerja dengan baik dan sedar akan tanggungjawab mereka kepada negara.

"Jika kita berbuat demikian, hari ini kita sudah menjadi negara maju tetapi kita dapati sebahagian daripada rakyat Malaysia tidak belajar menguasai ilmu.

"Apabila bekerja, bekerja mengikut pendapatan yang diterima sahaja, tidak mengikut kepuasan hati, yang kadangkala tidak ada di Malaysia.

"Sebaliknya, jika kita seperti orang Jepun yang berusaha untuk memulihkan negara yang telah hancur kerana perang, bekerja dengan cukup baik, dalam jangka masa pendek sahaja mereka dapat memulihkan negara mereka sepenuhnya sehingga menjadi negara kedua termaju di dunia," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655689>